



DOF mengesahkan hasil analisis kupang di perairan Port Dickson dicemari biotoksin dan tidak selamat dimakan.

KUPANG DICEMARI BIOTOKSIN

Bakal teliti kesan terhadap penternak

HN 08/04/24 m/s 10

Seremban: Kerajaan Negeri Sembilan akan meneliti kesan terhadap pendapatan pengusaha penternakan kupang dan kerang di Port Dickson susulan larangan memakan hasil laut itu ekoran isu pencemaran biotoksin, baru-baru ini.

Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, pihaknya akan melihat sama ada larangan itu berkemungkinan mengambil masa lama atau sebaliknya sehingga boleh menjelaskan pendapatan nelayan.

"Kita akan lihat kesan industri hiliran ini susulan hasil laut itu telah dicemari biotoksin.

"Tambahan pula, ia membabitkan sumber pendapatan pengusaha, walaupun bilangan pengusaha tidak ramai tetapi membabitkan kepentingan mereka dan perlu diberikan perhatian.

"Kerajaan negeri akan meneliti sama ada ia boleh menjelaskan industri berkenaan atau boleh menggugat nelayan kita," katanya kepada pemimpin selepas merasmikan Program Mantai Rayo 2024 di perkarangan Masjid Dato'

Klana Petra Lela Mohd Yusof, Sikamat di sini, semalam.

Terdahulu, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengesahkan hasil analisis kupang di perairan Port Dickson khususnya di Kampung Telok dan Sungai Sekawang di Pasir Panjang mendapati ia dicemari biotoksin dan tidak selamat dimakan.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, industri kupang di Port Dickson tidak besar berbanding di sesetengah tempat lain.

Beliau berkata, bagaimanapun industri berkenaan tetap menyumbang kepada pendapatan nelayan di kawasan berkenaan.

"Sudah pasti larangan memakan hasil laut itu akan menjelaskan sedikit industri dan pendapatan nelayan dan kita akan teliti keadaan itu.

"Kita mengharapkan ia tidak akan mengambil masa lama untuk pulih," katanya.

AMINUDDIN

